

Entertainment and Entertaining in Maqasid Syariah

Halipah Hamzah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

*corresponding author: shalipah@uitm.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received
17 July 2020
Accepted
3 September 2020
Published
30 November 2020

KEYWORDS

Entertainment
Entertaining
Maqasid Syariah
Hedonism

ABSTRACT

In this challenging modern age, the Muslim community, whether young or old, is stuck with the influence of Western culture namely the culture of hedonism. The goal of this culture is simply to find pleasure regardless of the legal view. Islam requires entertainment and entertaining in life. However, Islam lays down guidelines related to entertainment and entertaining to ensure that individual who entertain is not negligent. The objective of this study is to explain to the Muslim community about the law on the forms of entertainment favored by Muslims in the present century. This study also aims to clarify the guidelines of entertainment and entertaining according to Islamic law. The research question discussed in this writing is about the forms of entertainment that are prevalent in the Muslim community and its relationship with Maqasid Syariah. This study adopts data collection and data analysis methods. In an effort to collect data and information, this study is based on library research from primary and secondary sources involving Quranic sources, hadith, scholarly views, books, dictionaries, scholarly writing and journals. These data were analyzed using inductive, deductive and comparative methods. The result of the study obtained that the law of entertainment and excessive entertainment is illegal and there are guidelines and demands of Maqasid Syariah that need to be complied with in entertainment and entertaining.

Maqasid Syariah Dalam Hiburan dan Berhibur

Halipah Hamzah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

*corresponding author: shalipah@uitm.edu.my

SEJARAH ARTIKEL

Dihantar
17 Julai 2020
Diterima
3 September 2020
Diterbitkan
30 November 2020

KATA KUNCI

Hiburan
Berhibur
Maqasid Syariah
Hedonisme

ABSTRAK

Pada zaman moden yang serba mencabar ini masyarakat Islam sama ada golongan muda atau tua sudah terjebak dengan pengaruh budaya Barat iaitu budaya hedonisme. Matlamat budaya ini hanya untuk mencari keseronokan tanpa mempedulikan pandangan hukum. Islam mengharuskan hiburan dan berhibur dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, Islam meletakkan garis panduan berkaitan hiburan dan berhibur bagi memastikan individu yang berhibur tidak lalai. Objektif kajian ini untuk menjelaskan kepada masyarakat Islam mengenai hukum terhadap bentuk-bentuk hiburan yang digemari oleh umat Islam pada abad kini. Kajian ini juga bertujuan menjelaskan garis panduan hiburan dan berhibur menurut syarak. Persoalan kajian yang dibincangkan dalam penulisan ini adalah mengenai bentuk-bentuk hiburan yang berleluasa dalam masyarakat Islam dan kaitannya dengan Maqasid Syariah. Kajian ni menggunakan pakai kaedah pengumpulan data dan analisis data. Dalam usaha pengumpulan data dan maklumat, kajian ini berdasarkan kepada penyelidikan perpustakaan daripada sumber utama dan kedua yang melibatkan sumber al-Quran, hadis, pandangan ulama, buku, kamus, penulisan ilmiah dan jurnal. Data-data ini dianalisis menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian yang diperolehi ialah hukum hiburan dan berhibur secara melampau adalah haram serta terdapat garis panduan dan tuntutan Maqasid Syariah yang perlu dipatuhi dalam hiburan dan berhibur.

1. PENDAHULUAN

Zaman mutakhir ini muncul pelbagai bentuk hiburan dan cara berhibur yang diperlakukan dalam masyarakat. Hiburan dan berhibur secara melampau mempengaruhi masyarakat masa kini terutama golongan remaja. Umat Islam juga turut terlibat dengan gejala sosial ini. Masyarakat dunia pada masa kini terpengaruh dengan budaya Barat iaitu budaya hedonisme. Golongan hedonis sentiasa berusaha bagi mencapai tahap maksimum tertinggi prinsip kegembiraan dan keseronokan dalam kehidupan mereka (Abdul Ghafar, 2000). Corak budaya hedonisme seperti berjudi, merokok, minum arak, pergaulan bebas, seks bebas, bahan lucu, samseng jalanan dan seumpamanya. Hiburan dan cara berhibur yang diperlakukan masyarakat pada masa kini kebanyakannya ditiru daripada Barat (Halipah, 2013). Hal ini menyebabkan hiburan dan cara berhibur masyarakat Islam menyalahi tuntutan Islam amnya dan Maqasid

Syariah khasnya. Tujuan berhibur untuk mendapatkan ketenangan sebagaimana kehendak fitrah tidak terlaksana bahkan melalaikan serta mendatangkan kegusaran. Kepentingan kajian ini dijalankan untuk mengetahui secara jelas hukum hiburan dan berhibur menurut kaca mata Islam dan ketetapan Maqasid Syariah.

2. SOROTAN KAJIAN

2.1 *Maqasid Syariah*

Terdapat beberapa penulisan yang membincangkan berkaitan Maqasid Syariah. Antaranya, Wan Mohd Nasir (2011) dalam bukunya menjelaskan secara terperinci mengenai Maqasid Syariah merangkumi definisi, kepentingan, pembahagian, cabaran dan penyelesaian merealisasikannya. Dalam bab definisi beliau membahaskan pengertian istilah Maqasid dan Syariah dan akhirnya menyimpulkan Maqasid Syariah bermaksud objektif-objektif yang ingin dijaga dan direalisasikan oleh penggubal syariat yakni Allah SWT dalam penetapan hukum-hakam-Nya untuk kebaikan para hamba-Nya. Selamat (2018) dalam artikelnya mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai maksud atau tujuan diperundangkan syariat Islam. Beliau turut membicarakan matlamat memberi rahmat untuk alam sejagat dapat dicapai menerusi pematuhan kepada peraturan Allah SWT. Matlamat Maqasid Syariah sebagaimana ditegaskan oleh beliau adalah memberikan kebaikan kepada manusia sejagat.

Azman, Muhamad Nasir dan Muhammad Nazir (2018) membahaskan Maqasid Syariah sebagai salah satu elemen penting yang perlu diambil kira dalam proses penentuan sesetengah hukum syarak bagi menangani permasalahan dan isu semasa. Peranan Maqasid Syariah dan penggunaannya dapat diaplikasikan dalam sistem pembangunan sesebuah negara Islam bagi memastikan penggubalan dasar dan polisi berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik selari dengan tuntutan Islam. Menurut Ahmad Wifaq (2018), Maqasid Syariah yang ingin dicapai perlu menjadi tonggak pensyariatan hukum-hakam dan ajaran Islam. Mujtahid perlu benar-benar memahami Maqasid Syariah semasa proses ijtihad dan pengeluaran fatwa. Artikel ini turut mengutarakan beberapa prinsip Maqasid Syariah yang membuktikan kepentingannya dalam penetapan fatwa pada masa kini.

2.2 *Hiburan dan Berhibur*

Hornby (2010) mendefinisikan hiburan adalah perasaan seseorang apabila terdapat sesuatu yang lucu atau menghiburkan. Hiburan juga boleh diertikan sebagai persembahan yang melibatkan perbuatan, pertuturan, mimik menggunakan objek tertentu bertujuan untuk memberi ketenangan, ketenteraman, kegembiraan dan kebaikan (JAKIM, 2014). Menurut Kamus Dewan (2010), hiburan ialah sesuatu yang dapat menghibur, menyukarkan atau menggembirakan hati. Berhibur adalah berbuat sesuatu untuk menghiburkan atau menyenangkan hati. Berdasarkan definisi di atas, dapat dirumuskan bahawa skop hiburan dan berhibur adalah luas. Pada zaman kini terutamanya, tercipta berbagai-bagai bentuk hiburan dan cara berhibur. Justeru, apa sahaja yang bertujuan menghiburkan hati adalah hiburan sama ada melibatkan tingkah laku, capan, pakaian, makanan atau minuman.

2.3 *Hukum Hiburan dan Berhibur dalam Islam*

Hiburan dalam Islam berbeza dengan konsep mencari hiburan untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu tanpa batasan. Hiburan dalam Islam merupakan suatu yang terkawal terarah serta terikat

dengan batas perundangan dan nilai keagamaan. Kebiasaannya, konsep hiburan yang mengandungi unsur santai diperlakukan untuk pelbagai tujuan. Tujuan hiburan dalam Islam untuk memperolehi kesejahteraan, ketenangan dan kepuasan (Abu Bakar, 2007). Hiburan yang melampau dan berlebih-lebihan adalah haram. Umat Islam digalakkan bersederhana dalam segala hal dan ditegah berlebih-lebihan walaupun dalam urusan ibadat. Apatah lagi di dalam hal hiburan, berhibur dan menghabiskan masa dengannya walaupun hukum asalnya adalah harus (al-Qaradawi, 1993). Malangnya pada masa kini masyarakat banyak terpengaruh dengan budaya Barat, lalai serta melampaui dalam berhibur. Mereka gagal memahami konsep hiburan dan berhibur dalam Islam sekadar memenuhi fitrah manusia. Sambutan dan perayaan seolah-olah tidak lengkap tanpa acara hiburan yang melampau (Halipah, 2013).

Dalil keharusan hiburan dan berhibur sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Jumu'ah, 62:11 bermaksud:

Dan apabila mereka melihat perniagaan atau hiburan, mereka menyerbu kepadanya dan meninggalkan engkau berdiri. Katakanlah: Balasan di sisi Allah adalah lebih baik daripada hiburan dan perniagaan, dan Allah itulah sebaik-baik pemberi rezeki”.

Qutb (2009) dalam kitab tafsirnya menjelaskan bahawa ayat ini memberi peringatan bahawa ganjaran di sisi Allah SWT adalah lebih baik berbanding dengan perniagaan serta hiburan dan sesungguhnya rezeki itu datangnya daripada Allah SWT. Meskipun begitu, Saidina Ali r.a. pernah menyarankan dengan berkata: “Hiburkanlah hati dan carilah hikmah-hikmah yang menarik untuknya kerana hati juga berasa bosan sebagaimana badan yang merasa letih”. Hiburan adalah alat yang memberikan ketenangan minda, kedamaian hati dan kerehatan nurani. Walau bagaimanapun, sewajarnya hiburan dan budaya berhibur menepati tuntutan syarak. Menurut pandangan al-Qaradawi (1993), nyanyian merupakan antara hiburan yang dapat menghiburkan jiwa, menenangkan hati serta menjadi halwa telinga. Namun begitu, konsep hiburan pada era kini semakin berleluasa dan bercampur baur dengan elemen yang melalaikan serta perkara terlarang. Justeru, untuk memastikan umat Islam tidak tersasar daripada landasan syarak maka perlu dikeluarkan satu panduan sebagai garis panduan kepada mereka dalam berhibur (JAKIM, 2014).

2.4 Garis Panduan Hiburan dan Berhibur Menurut Perspektif Islam

Bagi memastikan perjalanan hiburan dan tindakan berhibur menepati tuntutan syarak, garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia perlu dipatuhi. Seorang artis perlu sentiasa menjaga serta mengekalkan penampilan bersopan dan beradab semasa membuat persembahan atau di luar persembahan. Pakaian yang dipakai wajib menutup aurat, kemas, sopan dan menepati kehendak syarak. Di samping itu, perlu menjaga adab dalam berpakaian, bertatarias dan mendandan rambut dengan tidak menyamai jantina yang berlainan jenis. Selain daripada itu, penggunaan hiasan serta dandanan juga perlu berpadanan dan secara sederhana menepati uruf masyarakat (JAKIM, 2014). Penyanyi, penari, pembuat persembahan dan penonton yang hadir hendaklah menjaga aurat, tidak melakukan lenggokan gerak badan yang memberihikan atau mempersempit nyanyian dengan suara lucuh yang menyebabkan fitnah dan rangsangan nafsu kotor dalam kalangan pendengar atau penonton (Harussani, 2008).

Persembahan seni pentas yang melibatkan pertuturan, pergerakan dan seumpamanya tiada mengandungi simbol-simbol yang dapat ditafsirkan serta bercanggah dengan akidah, syariah dan nilai-nilai Islam. Setiap persembahan perlu sentiasa memelihara sensitiviti agama, budaya dan bangsa. Persembahan juga mesti dalam keadaan yang bersesuaian serta disenangi oleh pendengar dan penonton. Penggunaan plot penceritaan berasaskan khayalan dibenarkan dengan tujuan menyampaikan sesuatu mesej yang baik. Persembahan lawak jenaka perlu secara bersederhana, tidak melibatkan perkara yang tegang serta perkara sedih dan tidak mengandungi unsur-unsur pemalsuan fakta, kata-kata nista, lucuh atau fitnah. Persembahan juga tidak boleh mengandungi elemen pengecaman kepada mana-mana pihak sama ada persendirian atau kumpulan, tiada mengandungi sebarang unsur kekejaman, tidak menimbulkan trauma atau gangguan emosi serta tidak mempersemprehankan adegan lakonan yang memegang watak yang menyamai jantina berbeza jenis (JAKIM, 2014). Persembahan yang dijalankan hendaklah tidak berlebih-lebihan sehingga hak-hak Allah SWT dan kewajipan utama yang lain terabai (Harussani, 2008).

Dalam aspek nyanyian, perlu dielakkan tingkah laku perbuatan, nyanyian, pertuturan dan seumpamanya daripada melibatkan objek-objek yang dapat ditafsirkan bercanggah dengan ajaran dan nilai agama. Penyanyi perlu berinteraksi dengan penonton secara sopan, memastikan fizikal, mental dan emosinya berada pada tahap yang elok serta mengadakan persembahan dalam situasi yang terkawal dan terarah (JAKIM, 2014). Seni kata, lagu dan nyanyian yang disampaikan tidak mempunyai unsur maksiat, sia-sia, merangsang keghairahan nafsu dan sebagainya menerusi tema-tema cinta yang melampau, luahan perasaan dan kerinduan yang berlebihan kepada manusia sehingga mendorong pendengar dan remaja melakukan maksiat dan dosa (Harussani, 2008).

Tarian tidak boleh mengandungi simbol-simbol yang dapat ditafsirkan dalam gerak tari yang bertentangan dengan akidah, syariah dan nilai Islam. Segala unsur pemujaan kepada sesuatu makhluk atau peribadi lain sewajarnya dijauhi. Tarian yang ditarikan juga perlu selari dengan kehendak syarak dan uruf asyarakat setempat, penampilan diri penari tidak mendedahkan diri untuk dieksplorasi oleh penonton dan menyalahi tuntutan agama, gerak tari tidak menyebabkan terjadi fitnah atau mendatangkan berahi, tiada percampuran jantina dalam persembahan sehingga mendatangkan tohmahan dan tiada elemen yang mewujudkan celaan kepada mana-mana agama atau budaya masyarakat tertentu (JAKIM, 2014).

Lirik lagu perlu mengandungi nilai baik dan murni, dapat memberi kesedaran dan keinsafan, dan selaras dengan adab kesopanan. Persoalan mengenai sensitiviti agama, bangsa dan negara sentiasa terpelihara. Dibenarkan penggunaan terjemahan al-Quran dan hadis dengan pemeliharaan adab yang mematuhi tuntutan syarak, menjadikan ayat-ayat al-Quran sebagai lirik lagu dengan kaedah *iqtibas* (memetik sebahagian daripada al-Quran atau hadis, lalu disertakan dalam satu prosa atau syair). Lirik lagu nasyid berbentuk doa adalah diharuskan, tetapi penggunaan matan hadis tidak digalakkan dibimbangi berlaku kesilapan *makhraj* menyebabkan perubahan maksud dan tiada mengandungi lafaz kalimah syahadah tidak lengkap. Lirik lagu juga tidak boleh menggunakan ungkapan yang memanipulasi terjemahan al-Quran dan hadis serta istilah-istilah suci dalam Islam untuk penyelewengan, tidak boleh terdapat ungkapan yang mencela takdir dan mempertikaikan ketetapan Ilahi, tiada berunsurkan penyanjungan kepada makhluk lain, tiada unsur berahi, menaikkan nafsu atau lafaz yang ditafsirkan lucuh, tiada mengandungi unsur maksiat atau mendorong kepada pelakuan haram dan tiada mengandungi elemen pencelaan, memalukan, mencaci, memfitnah

dan memandang rendah terhadap seseorang (JAKIM, 2014). Skrip dan lagu tidak boleh mempunyai perkataan dan kiasan yang menjurus ke arah bertentangan dengan akidah dan menghina Islam (Harussani, 2008).

Peralatan muzik yang diharuskan oleh syarak dibenarkan dalam upacara majlis perkahwinan atau keraian. Dilarang menggunakan muzik untuk mengiringi bacaan al-Quran atau apa-apa program yang diadakan di dalam dewan solat masjid, surau dan di kawasan serambi masjid. Penggunaan muzik yang dibenarkan adalah muzik yang menggalakkan persekitaran sihat, memberikan suntikan keselesaan, menaikkan semangat yang positif, tidak menunjukkan adanya unsur pemujaan atau berkaitan dengan upacara suci penganut agama lain, tiada dorongan kepada berlaku kacau-bilau dan ketidakseimbangan pemikiran sehingga mengakibatkan kealpaan dalam mengingati Allah SWT, tidak membangkitkan emosi negatif yang bertentangan dengan Islam, tidak mendatangkan gangguan kepada ketenteraman masyarakat awam dan tidak menjurus kepada tercetus tingkah laku kemaksiatan (JAKIM, 2014). Lagu dan nyanyian yang didendangkan tidak diiringi atau dialunkan dengan peralatan muzik dan bunyian yang melampau (Harussani, 2008).

Penganjuran sesuatu program hiburan perlu mengambil kira aspek yang memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada masyarakat, diadakan di tempat yang bersesuaian, sesuai dengan masa dan hari yang tidak menimbulkan elemen sensitiviti terhadap ajaran Islam dan masyarakat, mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa terlebih dahulu sebelum sesuatu program dianjurkan. Program hiburan yang dianjurkan perlu mengelakkan unsur ritual, tanda, lambang atau simbol yang tidak menepati tuntutan ajaran Islam, menolak maksiat serta perkara yang boleh mendorong kepada keadaan-keadaan tersebut, mengelakkan acara yang bersifat provokasi yang boleh menimbulkan sikap prejudis atau permusuhan, memastikan tiada berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan semasa latihan atau raptai, mengasingkan tempat duduk supaya tidak berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan dalam kalangan penonton dan mencegah pembaziran dalam penganjuran program hiburan ini (JAKIM, 2014). Penghibur mestilah dalam kalangan lelaki dan penonton tidak bercampur di antara lelaki dan perempuan. Penghibur dalam kalangan perempuan dibenarkan tetapi penonton mestilah dalam kalangan perempuan dan persembahan itu tidak disebarluaskan di tangan lelaki. Contohnya, lagu, lirik lagu atau skrip yang mengingati Allah SWT tetapi dalam kalangan penonton ada percampuran di antara lelaki dan perempuan serta tidak menutup aurat dengan sempurna (Hanan Mardhiah, 2018).

Klip video rakaman visual dilaksanakan dengan niat dan tujuan yang baik. Rakaman yang dilaksanakan selari dengan garis panduan yang ditetapkan yang berhubung kait dengan artis, persembahan, lagu dan anjuran program hiburan berdasarkan ‘tatabahasa visual’, paparan visual rakaman mengandungi nilai-nilai positif, membina minda dan membentuk akhlak mulia. Seterusnya paparan visual secara sopan, teratur dan diterima mengikut ‘tatabahasa visual’. Rakaman klip video juga tidak boleh mengandungi sebarang unsur penghinaan sama ada terhadap individu atau kepercayaan masyarakat tertentu, agama, bangsa dan negara. Paparan syot yang biadab serta syot-syot yang bertentangan dengan nilai dan etika Islam, mendatangkan ketidaksesuaian kepada kesihatan emosi, mental dan pancaindera tertentu, mengandungi simbol visual yang melanggar akidah, syariah dan nilai etika Islam, memaparkan video rakaman negatif sama ada dari segi gerakan atau pertuturan bahasa yang menggalakkan peniruan kepada golongan tertentu adalah ditegah (JAKIM, 2014).

3. ANALISIS MAQASID SYARIAH DALAM HIBURAN DAN BERHIBUR

Maqasid Syariah terdiri daripada lima elemen iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara maruah dan keturunan serta memelihara harta.

3.1 Memelihara Agama

Agama merupakan elemen utama kepada manusia. Orang yang beriman sentiasa mendekatkan diri mereka dengan Allah SWT. Setiap umat Islam wajib memelihara dan mempertahankan kesucian agamanya daripada diseleweng, dicerobohi dan dihina musuh. Mereka juga ditegah melakukan penyelewengan terhadap agama seperti terlibat dengan ajaran salah, khurafat, syirik dan sebagainya.

Manusia sering terburu-buru dalam membuat pemilihan dan keputusan. Keadaan ini menyebabkan segelintir daripada mereka tergelincir daripada landasan yang benar akibat terpengaruh dengan fahaman yang bercanggah dengan Islam. Black Metal, salah satu trend muzik Barat yang bertentangan dengan akidah semakin menular dalam kalangan masyarakat khasnya golongan remaja. Aktiviti Black Metal dijalankan secara individu atau kumpulan, antaranya ialah memakai salib secara terbalik, memakai kemeja T, gelang, tatu, tulisan dan lukisan yang menggambarkan kepala kambing, lambang kuku tajam dan tengkorak (Abdul Ghafar & Zaleha, 2008).

Budaya rock merupakan fenomena budaya negatif yang mempengaruhi golongan remaja mutakhir ini. Corak budaya ini dilambang dan ditonjolkan dengan ciri-ciri pakaian tidak terurus, kotor, tidak senonoh dan kadang-kadang lucu, perwatakan melucukan dengan rambut mengerbang dan diwarna-warnikan. Sikap serta kelakuan mereka yang kasar dan agresif melambangkan terjemahan kepada persembahan muzik dan personaliti rock tersebut. Golongan ini juga mengamalkan gaya hidup malas bekerja dan gemar membuang masa dengan berpeleseran (Zakaria, 1994).

3.2 Memelihara Nyawa

Ajaran Islam menjaga serta melindungi nyawa manusia dan sentiasa prihatin terhadap hak-hak asasi yang lain. Setiap individu berhak untuk hidup di bawah naungan Islam, mendapat jaminan kebebasan dalam berfikir, memberi pendapat dan bermastautin (Rosli & Mohd. Fikri, 2007). Semua makhluk termasuk manusia dikurniakan Allah SWT kehidupan. Kehidupan adalah hak masyarakat dan tanpa kebenaran Allah SWT maka tiada sesiapa berhak mencabar hak ini. Sebarang perlakuan yang mengancam nyawa adalah ditegah Islam sama ada nyawa sendiri atau nyawa orang lain.

Terdapat sekumpulan penunggang motosikal yang gemar terlibat dengan perlumbaan haram, menunggang laju dan beraksi di jalan raya. Mereka digelar "mat rempit atau samseng jalanan. Kumpulan ini sebenarnya sudah lama muncul di negara kita, cuma menjelang tahun 1990-an kegiatan ini semakin berleluasa dan aktif. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang (Mustafa, 2002). Majoriti yang terlibat sebagai samseng jalanan terdiri daripada golongan remaja dan mereka menceburkan diri dalam perlumbaan haram sama ada kereta atau motosikal untuk mencapai keseronokan dengan aksi berbahaya dan mencemaskan di jalan raya seolah-olah tidak menghargai nyawa sendiri (Abdul Ghafar, 2000).

3.3 Memelihara Akal

Akal adalah anugerah Ilahi yang sangat bermakna kepada manusia. Keistimewaan akal ini membezakan manusia dengan makhluk-makhluk Allah SWT yang lain. Akal juga sebagai penentu tanggungjawab seseorang individu kepada agama, diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara (Rosli & Mohd. Fikri, 2007). Kewajipan manusia ialah menjaga akal mereka supaya sentiasa kekal waras, sempurna dan berfungsi dengan baik. Justeru itu, Islam menegah umatnya mengambil minuman yang memabukkan kerana kemabukan akan melenyapkan kewarasan akal dan sifat kemanusiaan (Ishak, 2002).

Bagi golongan muda, arak merupakan satu daripada tiga elemen kesenangan hidup selain daripada judi dan wanita. Dengan adanya semua elemen ini dan ditambah dengan sifat keberanian, maka individu tersebut merupakan pemuda yang hebat. Justeru itu, golongan muda pastinya bermegah apabila kesemua kesenangan berjaya mereka gabungkan serta berlagak dan berbangga dengan kawan-kawan. Kadangkala mereka terlibat dengan maksiat dan perselisihan dalam rangka mendapatkan wang ringgit untuk dibelanjakan kepada keseronokan dan hiburan (Ali, 1993). Ajaran Islam menegah umatnya meminum arak atau minuman yang memabukkan. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir umat Islam di era globalisasi ini yang memilih minuman keras ini sebagai minuman kegemaran mereka. Arak menyebabkan manusia hilang fungsi akal yang waras.

3.4 Memelihara Maruah dan Keturunan

Memelihara maruah dan keturunan juga sangat dituntut dan diambil berat oleh ajaran Islam. Justeru, sebarang bentuk hiburan yang mengancam, merosak dan mencemarkan maruah dan keturunan atau mendorong kepada kerosakan keturunan adalah diharamkan (Wan Mohd Nasir, 2011). Contohnya melepak, pergaulan bebas, seks bebas, menonton filem, video atau bahan lucah dan lain-lain.

Hiburan seperti melepak dalam kalangan remaja sudah menjadi kelaziman kepada masyarakat. Kawasan yang kerap menjadi tumpuan mereka ialah kompleks membeli belah, pusat hiburan dan pusat video games. Aktiviti mereka bermula dengan menghabiskan masa dengan perkara sia-sia sehingga mencetuskan gejala sosial seperti pergaulan bebas, mengganggu ketenteraman awam dan mencetuskan pergaduhan seterusnya mengakibatkan vandalisme dan pembuangan bayi (Abdul Ghafar & Zaleha, 2008).

Akibat pengaruh Barat, masyarakat pada masa kini juga menganggap perlakuan seks bebas sebagai hiburan. Terdapat banyak faktor yang mendorong berlakunya perlakuan seks bebas, antara faktor utama adalah pergaulan tanpa batasan. Individu yang terjebak dengan perbuatan jijik ini menganggap seks sebagai satu keseronokan, kebanggaan dan trend semasa. Perlakuan seks bebas ini tidak hanya melibatkan hubungan seks di antara lelaki dengan perempuan sahaja, bahkan ia menular kepada perlakuan seks di luar tabii (Idris, 1996). Allah SWT bukan sekadar melarang hamba-Nya daripada berzina, bahkan segala bentuk perbuatan yang mendorong kepada perzinaan juga perlu dielakkan. Tegahan ini bertujuan memelihara maruah dan keturunan manusia daripada tercemar dan terjebak ke lembah kemaksiatan dan kehinaan.

3.5 Memelihara Harta

Harta adalah elemen penting dalam kehidupan manusia. Di samping itu, ia juga merupakan satu keperluan dalam menegakkan syiar dan menyempurnakan tuntutan Islam. Islam menggalakkan umatnya mengumpul harta asalkan kaedahnya berlandaskan ketetapan dan garis panduan syarak. Harta yang diperolehi sewajarnya dibelanjakan secara berhemah untuk tujuan yang bermanfaat dan mengelakkan daripada pembaziran. Islam melarang pembaziran harta untuk berhibur menggembirakan hati dengan berbagai-bagi bentuk hiburan.

Remaja pada masa kini gemar mencari hiburan di pusat komputer. Kewujudan pusat-pusat komputer dan kafe siber yang menyediakan kemudahan melayari internet dan permainan video mendorong remaja untuk mengunjunginya tanpa mengira masa walaupun pada waktu sesi persekolahan. Akibatnya mereka dilalaikan dengan hiburan dan keseronokan sehingga tercicir dalam pelajaran (Abdul Ghafar & Zaleha, 2008). Mereka tidak menyedari bahawa perlakuan ini merosakkan masa hadapan mereka. Permainan video juga melibatkan pembaziran harta. Harta yang dimiliki sepatutnya dilaburkan ke pusat kebajikan bukannya ke pusat maksiat.

Bagi remaja, merokok juga merupakan hiburan kerana ia dapat menghiburkan perasaan mereka dan melupakan masalah. Kecenderungan remaja untuk merokok berpunca daripada kekerapan dan jangka masa mereka berhubungan dengan perokok. Remaja yang merokok mungkin berasa lebih yakin dengan diri mereka atau merasa lebih disukai oleh orang lain disebabkan oleh tingkah laku tersebut. Peringkat pergantungan akan bermula apabila remaja yang merokok merasakan tingkah laku tersebut sebagai satu keseronokan (Noorlaile, 2016).

4. KESIMPULAN

Hukum asal hiburan adalah harus tetapi hiburan yang melampau haram hukumnya. Realiti masyarakat pada hari ini sememangnya gemar berhibur. Tujuan mereka berhibur untuk melupakan dan menghapuskan tekanan yang dialami, menghilangkan kepenatan serta memperolehi ketenangan pemikiran dan jiwa. Meskipun keseronokan dan kebahagiaan merupakan sebahagian daripada fitrah manusia, namun kegembiraan secara melampau dilarang oleh ajaran Islam serta tidak dibenarkan menular dalam masyarakat kerana akan mendatangkan berbagai-bagi gejala negatif. Hiburan yang berlebihan merupakan senjata syaitan untuk menyesatkan manusia. Justeru itu, untuk memperolehi kegembiraan, kebahagiaan dan ketenangan yang direndai Allah SWT sewajarnya mereka merujuk kepada garis panduan hiburan yang telah digariskan oleh badan berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Implikasi kajian ini dapat memberi panduan kepada penganjur, pengusaha dan peneraju hiburan dalam mengendalikan program bagi merealisasikan prinsip Maqasid Syariah dalam hiburan dan berhibur.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, H. D. (2000). Budaya Hedonisme: Corak dan Kesannya terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia. Fariza Md. S. et.al. (Eds.), Dakwah dan Perubahan Sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (231), 44–47.
Abu Bakar, Y. (2007). *Islam dan Pembentukan Budaya Berhibur*. <https://www.ikim.gov.my/>

- Ahmad Wifaq, M. (2018). Kepentingan Memahami Maqasid Syariah oleh Ahli Fatwa dalam Mengeluarkan Fatwa Semasa. *Monograf Maqasid Syariah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ali, J. (1993). Al-Mufassal fi Tarikh al-Arab qabl al-Islam. 4 jilid. *Baghdad: Jam'iat Bagdad*.
- Al-Qaradawi, Y. (1993). Fatawa Mu'asarah. 2 juzuk. *Kuwait: Dar al-Wafa'*.
- Azman, M. N., Muhamad Nasir, H., & Muhammad Nazir, A. (2018). Kepentingan Memahami Maqasid Syariah dalam Pembangunan Ekonomi Negara. *Monograf Maqasid Syariah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Halipah, H. (2013). Cabaran Budaya Hedonisme Terhadap Pembangunan Insan. Satu Analisis Berdasarkan Kitab Fi Zilal al-Quran. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Sains Malaysia.
- Harussani, Z. (2008). Garis Panduan Karnival dan Hiburan yang Dibenarkan Islam. Perak: *Jabatan Mufti Negeri Perak*.
- Hornby, A. S. (2010). Oxford Advanced Learner's Dictionary. Edisi 8. United Kingdom: *Oxford University Press*.
- https://www.nxtbook.com/ygsreprints/NACAC/nacac_jca_spring2016/#/46
- Idris, A. (1996). Kelakuan Seks Bebas dalam Kalangan Remaja Melayu. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 5, Disember 1996, 180-183.
- IKIM, Institut Kefahaman Islam Malaysia. (Julai 2020).
- Ishak, S. (2002). Tamadun Islam. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Islamika.com.my. (September 2020). Hanan M. (2018). *Berhibur, Adakah Haram? Bagaimana Berhibur Dengan Cara Islam?*. <http://islamika.com.my/>.
- JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014). *Garis Panduan Hiburan dalam Islam*. Edisi kedua. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Kamus Dewan. (2010). Edisi 4, Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mustafa, D. (2002). Cabaran Tamadun Islam pada Alaf Baru di Malaysia. Kuala Lumpur: *Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd*.
- Noorlaile, J. (2016). *Merokok Satu Amalan Yang Tidak Boleh Diterima Masyarakat*. <http://taknak.myhealth.gov.my>.
- Qutb, S. (2009). Tafsir fi Zilal al-Quran. 6(38). Kaherah: *Dar al-Syuruq*.
- Rosli, M., & Mohd. Fikri, C. H. (2007). Maqasid al-Syariah: Hikmah di Sebalik Pensyariatan. Selangor: *Karya Bestari Sdn. Bhd*.
- Selamat, H. (2018). Dasar Maqasid Syariah dalam Perundangan Hukum Syarak. *Monograf Maqasid Syariah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Wan Mohd Nasir, W. A. W. (2011). Maqasid Syariah: Cabaran dan Penyelesaian dalam Merealisasikannya. Kuala Lumpur: *Telaga Biru Sdn. Bhd*.
- Yayasan Penyelenggara Penterjemah/ Pentafsir al-Quran (1412). Al-Quran al-Karim; Al-Quran dan Terjemahnya. *Madinah: Komplek Percetakan al-Qur'an Khadim al-Haramain al-Syarifain Raja Fahd*, 8(3), 207 217.
- Zakaria, S. (1994). Masyarakat Islam dan Isu Semasa. Kuala Lumpur: *Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia*.